

Tiada paksaan guna bahasa Inggeris

11.3.2002
Oleh Kadir Dikoh dan Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Set-i Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak memaksa penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar subjek Sains dan Matematik di sekolah dan masih membuka peluang untuk mendengar pandangan orang ramai mengenainya.

Perdana Menteri berkata, jika tiada sebarang masalah mengenainya, dasar penggunaan bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran itu akan diteruskan mengikut ja-

dual tahun depan.

"Kita sedang mencapai kemajuan secara perlahan dan sedang menanganinya. Kita mendengar

ada masalah, kita akan teruskan dengan apa yang dirancang oleh kita walaupun mungkin pendekatannya berbeza sedikit.

Penguasaan golongan hawa cabar lelaki - Muka 2

Gerakan serah keputusan kepada Dr Mahathir - Muka 4

pandangan orang ramai. Kita (kerajaan) adalah demokratik. Kita tidak memaksanya ke atas rakyat.

"Kita masih memberi peluang kepada rakyat menyuarakan pendapat tetapi pada masa sama kita membuat persiapan. Kalau tak

"Tetapi sama ada kita akan buat apa yang kita rancang ataupun tidak, persiapan mesti dibuat dan sedang dibuat. Kita akan mencari penyelesaian terbaik dalam melaksanakannya." katanya selepas melancarkan sambutan Hari Wanita 2002 yang bertema 'Nur: Me-

mupuk Generasi Berilmu' di Stadium Putra, Bukit Jalil dekat sini hari ini.

Mengikut rancangan kerajaan, mata pelajaran Sains dan Matematik akan diajar dalam bahasa Inggeris di tahun satu, tingkatan satu dan enam rendah di semua sekolah kebangsaan mulai tahun depan sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada semua peringkat sekolah menjelang 2008.

Bagi tujuan memantap dan membolehkan pengajaran itu dapat dibuat dengan lebih berkesan,

LIHAT MUKA 2

Sekolah dibekalkan komputer

DARI MUKA 1

Kementerian Pendidikan turut menyediakan sejumlah peruntukan untuk membekalkan infrastruktur teknologi komunikasi maklumat (ICT) seperti komputer bimbit, projektor LCD, skrin dan bahan interaktif kepada sekolah.

Dr Mahathir berkata penggunaan bahasa Inggeris bagi mengajar Sains dan Matematik sebenarnya tidak memerlukan sangat kebolehan dan kepakaran guru dalam bahasa itu kerana proses pengajaran akan menggunakan komputer.

Katanya, guru akan hanya menjalankan tugas sebagai fasilitator dan dalam proses itu turut belajar menguasai bahasa Inggeris.

"Dengan itu segala soalan, pertanyaan kita dapat dengar, kita dapat baca dan kitajawap, semuanya melalui komputer. Jadi semua guru akan menjadi fasilitator, bukan dikehendaki

guru itu mestilah pakar dalam bahasa," katanya.

Bagi tujuan itu katanya, semua sekolah termasuk di luar bandar akan dibekalkan dengan komputer serta alat projektor untuk kegunaan guru dan pelajar.

Beliau berkata, kerajaan juga akan menggunakan pendekatan yang sama dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar kerana ia adalah bahasa Kebangsaan.

Bagaimanapun katanya, rakyat perlu fasih dalam bahasa Inggeris kerana ia adalah bahasa kedua negara.

"Banyak yang belajar bahasa Melayu telah mengabaikan bahasa Inggeris sehingga sekarang ini kita dapati orang kita tidak boleh berbincang dan bahas (dalam bahasa Inggeris) apabila berunding dengan orang dari negara lain.

"Begitu juga dalam taklimat kerana mereka tidak fasih. Bila dia cakap dalam bahasa Melayu terpaksa

cari juru bahasa... kita tak perlu dua orang untuk melakukan kerja yang boleh dilakukan oleh seorang," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia perlu fasih dalam bahasa Inggeris kerana ilmu baru semuanya dalam bahasa itu.

Malah katanya, negara yang dulunya mendokong bahasa Kebangsaan masing-masing kini menawarkan bidang tertentu dalam bahasa Inggeris. Contohnya di Russia, bidang perubatan kini diajar dalam bahasa Inggeris dan begitu juga di Jerman, Perancis dan Jepun.

Pada sidang akhbar yang sama, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau belum lagi memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai hasil perjumpaannya dengan wakil 36 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili masyarakat Melayu mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris, semalam.